

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPERNA HARI KELUARGA KEBANGSAAN 1992

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 10 NOV 1992

MASA:

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama menyambut Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini.

2. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berbangga kerana berpeluang merayakan satu hari yang khusus ditujukan kepada semua ahli keluarga. Kita juga harus berbangga kerana pengiktirafan kepada keluarga ini jelas membuktikan bahawa di samping menikmati kemajuan ekonomi yang pesat, kita tidak lupa kepada aspek-aspek sosial, terutamanya nilai dan budaya hidup berkeluarga.

3. Sistem keluarga sebagai institusi dan asas masyarakat perlu dikekalkan dan diperkukuhkan kerana keluarga ialah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara. Kekuatan dan keutuhan sesuatu keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan sesuatu masyarakat. Lantaran itu, segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di peringkat keluarga sudah pasti akan memberi kesan di peringkat masyarakat dan negara.

4. Institusi keluarga juga merupakan asas yang amat penting kepada pembentukan masyarakat sesebuah negara kerana ia berfungsi dan memainkan peranan utama untuk melahirkan dan mewujudkan generasi yang bakal menentukan nasib bangsa dan tanahairnya. Sesebuah keluarga, terutamanya ibu bapa, adalah pencorak kehidupan anak-anak sama ada akan menjadi manusia yang berguna atau sebaliknya. Ini adalah selaras dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud setiap anak itu dilahirkan dengan fitrah dan ibu bapanya yang akan menjadikan ia baik, tidak baik ataupun cemerlang.

5. Perangkaan 1990 menunjukkan kira-kira 38 peratus daripada jumlah penduduk negara ini terdiri daripada golongan kanak-kanak di bawah umur 14 tahun. Peratusan ini jelas menunjukkan bahawa golongan ini merupakan sebilangan besar daripada penduduk Malaysia yang berjumlah hampir 18 juta.

6. Ini bermakna negara kita mempunyai penduduk yang masih muda dan mereka ini merupakan potensi serta aset besar yang perlu dipupuk dan dibangunkan dengan sistematis dan terancang kerana mereka boleh menyumbang ke arah kemajuan

dan kegemilangan negara di masa hadapan.

7. Sehubungan dengan itu, ibu bapa sebagai pembimbing dan pendidik utama haruslah sentiasa peka dan prihatin terhadap cabaran dan harapan dalam membentuk anak-anak supaya dapat mencapai tahap kecemerlangan yang diidamkan. Peranan ibu bapa mendidik anak-anak bukan sahaja sekadar meningkatkan kecemerlangan tetapi juga yang lebih penting adalah pembangunan anak secara menyeluruh agar ia berupaya membesar menjadi seorang yang berkebolehan, berperibadi mulia dan hidup sebagai insan kamil.

8. Masyarakat masakini sering menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam membentuk sebuah keluarga yang aman dan harmoni. Perubahan budaya hidup yang pesat dan pengaruh media massa serta persekitaran luaran, sedikit sebanyak, memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan keluarga.

9. Di sini saya ingin menekankan tentang pentingnya kita mengkaji peranan institusi keluarga yang akan membawa negara ini kepada satu tahap kemajuan yang mencabar. Sekiranya kita mengamati pengalaman negara-negara yang telah membangun atau apa yang dikenali sebagai negara maju, proses transformasi struktur ekonomi sering diiringi dengan perwujudan ciri-ciri individualisma yang kurang sihat seperti sikap egoistik, mementingkan diri sendiri, membelakangkan keluarga dan masyarakat, dan sifat tidak peka kepada keadaan sekeliling. Dengan ini institusi perkahwinan dan keluarga juga runtuh dan didikan awalan tidak lagi dapat diadakan bagi kanak-kanak.

10. Justeru itu, bagi mengatasi gejala-gejala negatif ini usaha-usaha perlu dilakukan untuk melengkapkan masyarakat kita meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kebolehan mereka mewujudkan ahli keluarga yang sihat, berkualiti dan produktif. Dalam hubungan ini, ibu bapa sebagai pendidik utama anak-anak perlu mempelajari kaedah bagi menangani situasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak. Strategi komunikasi yang menjalinkan hubungan yang rapat dengan anak-anak, di samping menumpukan penekanan ke atas cara-cara perubahan tingkah laku, perlulah dipelajari, dihayati dan dipraktikkan dengan penuh kesungguhan.

11. Apabila segala masalah tersebut dapat diatasi, ibu bapa bolehlah memberi tumpuan khusus ke arah membentuk keperibadian, perwatakan serta daya intelek anak-anak. Di dalam usaha kita mengejar kemajuan, kita mahukan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bertimbang rasa, taat, sopan, berdaya tahan, matang dan penyayang. Kualiti-kualiti unggul inilah yang boleh membawa kecemerlangan kepada generasi akan datang.

12. Mewujudkan satu masyarakat cemerlang merupakan impian kita bersama. Hasrat tersebut merupakan salah satu cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020 di mana kita menekankan cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang

maju, mempunyai keyakinan pada diri sendiri, berbangga dengan apa yang telah dicapai serta gigih menghadapi semua cabaran. Masyarakat sedemikian rupa mestilah mempunyai ciri-ciri kecemerlangan yang disanjung oleh dunia.

13. Dengan itu tema Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan tahun ini iaitu "Anak Cemerlang Negara Gemilang" adalah sesuai. Aspek-aspek pembentukan keluarga khususnya di peringkat kanak-kanak, ciri-ciri penyayang dan bertimbang rasa mesti dipupuk di peringkat awal.

14. Sempena Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini, saya berharap setiap ibu bapa mengambil berat kepada pembangunan anak-anak mereka daripada segi emosi, fizikal, rohaniah, mental dan sosial agar mereka kelak akan dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kecemerlangan keluarga, masyarakat dan negara.

15. Semoga usaha-usaha murni ini diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala dan akan sentiasa diteruskan serta mendapat sokongan daripada semua pihak.
Terima kasih.